



Raja Laksamana Bentan

8 - 11 OGOS 1996
AUDITORIUM
DEWAN BANDARAYA
KUALA LUMPUR

17 - 18 OGOS 1996
TAMAN BUDAYA
I P O H

*Keris disisip membuka langkah
berburu tiang berdada merah
berebut kasih dendam tak sudah
tiada runding berpadah darah*



AKADEMI SENI KEBANGSAAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
KESENIAAN DAN
PELANCONGAN MALAYSIA
TEI: 03 - 2649180
SAMB. 218 / 225
FAX : 03 - 2649186

bangsawan

sempena festival seni kuala lumpur 1996

Bangsawan

Raja Laksamana Bentan

8 - 11 OGOS 1996

AUDITORIUM
DEWAN BANDARAYA
KUALA LUMPUR

17 - 18 OGOS 1996

TAMAN BUDAYA
I P O H

*Keris disisip membuka langkah
berburu tiang berdada merah
berebut kasih dendam tak sudah
tiada runding berpadah darah*


OBJEKTIF

Mengembalikan kegemilangan Seni Bangsawan dengan melibatkan generasi muda menjadi tenaga produksi sebagai langkah menyediakan pelapis ke arah usaha pemuliharaan dan pengekalan warisan seni Malaysia.

Satu proses pembelajaran yang mesti dilalui oleh pelajar-pelajar Akademi Seni Kebangsaan dalam usaha mengimplimentasikan aspek teori dan praktikal di dalam kelas mahupun studio kepada produksi yang sebenar.

Menarik minat masyarakat terhadap seni warisan bangsawan yang suatu ketika dulu telah memulakan kegiatan seni pentas secara komersial di Malaysia untuk diambil iktibar dan dijadikan sandaran bagi menggerakkan produksi teater Malaysia lebih komersial dan dinamik.

Satu usaha pendokumentasian produksi bangsawan bagi tujuan pembelajaran dan bahan sumber perpustakaan Akademi Seni Kebangsaan sesuai dengan objektif Akademi Seni Kebangsaan untuk menjadi pusat sumber dan rujukan kesenian dan kebudayaan.





kata-kata aluan

MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN
MALAYSIA



Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Akademi Seni Kebangsaan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia yang berusaha mengadakan pementasan Bangsawan bertajuk "Raja Laksamana Bentan".

Pementasan ini merupakan satu persembahan oleh para pelajar Akademi Seni Kebangsaan sendiri dalam usaha merealisasikan segala ilmu yang telah dipelajari.

Dalam negara moden ini tidak seharusnya seni tradisi lama seperti bangsawan dilupakan. Kita menyedari bahawa bangsawan adalah di antara aktiviti kesenian masyarakat kita masa lampau yang telah mula diketepikan. Bangsawan seharusnya dipelihara dan dikembangkan seiring dengan kemajuan industri-industri seni yang lain. Masyarakat kita perlulah diberi pendedahan agar tidak melupakan langsung budaya seni warisan tempatan. Di samping itu perlulah diberi nafas baru di dalam aktiviti bangsawan dengan mengekalkan bentuk dan falsafahnya. Akhir kata diharapkan pementasan bangsawan ini akan berjalan dengan lancar dan selamat maju jaya.

Sekian terima kasih.

(DATO' SABBARUDDIN CHIK)



sekapur sireh

KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN
MALAYSIA



Saya mengambil kesempatan mengucapkan syabas kepada semua pihak yang turut menjayakan pementasan bangsawan "Raja Laksamana Bentan".

Bangsawan yang pada satu masa begitu popular telah hampir luput dari persada seni kita. Beberapa usaha pemuliharaan yang telah dijalankan sebelum ini masih belum berjaya mencapai matlamatnya. Namun usaha ini perlu diteruskan oleh semua yang sayangkan seni ini, dan pementasan Raja Laksamana Bentan ini diharap dapat menyumbangkan ke arah tercapainya matlamat yang diidamkan. Harapan ini menjadi lebih tinggi lagi kerana usaha ini dikendalikan oleh Akademi Seni Kebangsaan yang mana penubuhannya antara lain ialah untuk mempertabatkan kesenian negara.

Adalah menjadi harapan kita agar usaha ini akan menjadi wadah baru bagi mengaktifkan semua aktiviti seni tradisi bangsawan agar ianya boleh dihayati oleh generasi masa kini dan akan datang.

Selamat menonton.

(DATUK ISMAIL ADAM)



seulas pinang

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN
MALAYSIA
MERANGKAP PENGARAH AKADEMI SENI KEBANGSAAN



ersyukur kita ke hadirat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izinnya dapat kita bersama-sama menjayakan pementasan bangsawan bertajuk "Raja Laksamana Bentan" yang dijayakan sepenuhnya oleh tenaga pengajar dan penuntut Akademi Seni Kebangsaan.

Akademi Seni Kebangsaan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia adalah merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi yang berteraskan bidang seni, dan masih dianggap baru, di mana fungsinya secara menyeluruh belum begitu diketahui umum. Dengan adanya aktiviti seperti pementasan bangsawan, saya berharap masyarakat akan lebih mendekati Akademi Seni Kebangsaan kita ini.

Struktur dan pengisian pembelajaran peringkat Diploma yang disediakan oleh Akademi Seni Kebangsaan, diantara lain adalah mendedahkan para pelajar kepada aktiviti menyeluruh bagi sesuatu pementasan. Mereka tidak sahaja diperkenalkan dengan teori pementasan malah akan terlibat langsung secara praktikal dalam semua bidang kesenian. Dari itu pementasan bangsawan ini merupakan diantara aktiviti para pelajar Akademi Seni Kebangsaan dalam usaha memantap dan mematangkan diri mereka untuk bersedia menghadapi persada seni sebenar.

Akhirnya dikesempatan ini, saya berharap agar pementasan bangsawan "Raja Laksamana Bentan" akan berjalan dengan lancar dan akan mendapat reaksi positif dari semua pihak.

Sekian, terima kasih dan selamat menonton.

(DATU' TENGGU ALAUDIN TENGGU ABDUL MAJID)



BANGSAWAN

Bangsawan merupakan teater dalam genre popular yang dibawa ke Tanah Melayu sekitar tahun 1880an. Ia dikenali dengan nama Wayang Parsi yang digerakkan oleh tenaga pementasan dari India. Bertapak di Pulau Pinang, bangsawan kemudiannya berkembang ke seluruh Malaysia sehingga tertubuhnya sejumlah kumpulan bangsawan yang tumbuh bagaikan cendawan. Bangsawan mengecapi zaman kegemilangannya pada awal abad ke kedua puluh, iaitu sekitar tahun 1900 hingga 1945.

Setelah sekian lama, bangsawan bukan lagi merupakan teater popular di zaman kini. Mentelah lagi keadaan yang sedang mengubah haluan citarasa generasi kini menjadikan bangsawan bagai dilupakan. Malah sebahagian besar masyarakat pada masa ini tidak langsung mengenali bangsawan. Struktur serta corak persembahan bangsawan adalah unik, menggabungkan semua elemen-elemen seni persembahan yang lengkap, sesuai dengan budaya serta tatasusila masyarakat Melayu yang tersendiri. Bangsawan secara tidak langsung, menonjolkan ciri-ciri peradaban Melayu yang tinggi serta nilai budaya Timur yang halus. Satu-satunya teater tempatan dalam bentuk opera, bangsawan harus terus dibangkitkan kembali demi maruah seni negara.

Tidak hanya sekadar dapat membendung keburukan gejala minda yang liar kepada generasi kini, seni bangsawan dapat berfungsi sebagai industri alternatif kepada penggiat seni khususnya dalam mengisi agenda kesenian dan budaya negara.

Dengan menggunakan tenaga warga Akademi Seni Kebangsaan bersama karyawan dan artis jemputan termasuk tenaga pengurusan, kreatif serta lakonan, Akademi Seni Kebangsaan meletakkan harapan tinggi agar pementasan ini dapat membuka minda pihak-pihak tertentu tentang keunggulan seni bangsawan. Ia mampu hidup seiring dengan seni persembahan yang lain setanding dengan seni-seni persembahan yang lebih bersifat kontemporari.

SINOPSIS

Raja Laksamana Bentan

YAM Di Pertuan Bentan empunya negeri
Puteri bernama Wan Intah Wan Senari
Putera seorang Raja Muda Busu nama diberi
Hidup damai walau tidak berpermaisuri

Malang menimpa laut dinoda
Megat Alang empunya angkara
Laksamana diperintah menghapus segera
Raja Muda Busu turut tanpa diduga

Pergi Laksamana Wan Intah gundah
Keris tertinggal alamat padah
Wan Senari mula bertingkah
Berebut kasih dendam tak sudah

Walau Megat berjaya ditawan
Raja Muda Busu mati tertikam
Mendengar khabar baginda rawan
Jatuh gering maut menerkam

Wan Senari pengganti sultan
Mengundur diri ke Pulau Bangka
Bersama Megat tinggalkan Bentan
Wan Intah dan Laksamana
dikahwinkan diberi takhta

Enam belas tahun masa beredar
Puteri Laksamana besarlah sudah
Wan Seribani nama digelar
Mengidamkan tiong gading berdada merah

Wan Senari dendam tak hilang
Kasih tak sampai minta digalang
Megat dan Nakhoda menjadi petualang
Kebahagiaan Wan Intah diminta halang

Tersebut Laksamana berburu dihutan
Ke hutan Bangka tidak disedari
Semena-mena ditombak Haridan
Cedera membawa ke istana Senari


Wan Senari kesal tidak terperi
Megat dan Haridan menerima balasan
Demikian berlaku bertimpa mati
Kisah Raja Laksamana Bentan

Rosminah Mohd Tahir
Kuala Lumpur
21 Julai 1996

Raja Laksamana Bentan

Babak 1	:	Balairong Seri
Babak 2	:	Taman Larangan Wan Intah
Babak 3	:	Balairong Seri
Babak 4	:	Taman Larangan Wan Senari
Babak 5	:	Gelanggang Silat di Bangka
Babak 6	:	Istana Laksamana di Bangka
Babak 7	:	Hutan Besar (Laksamana memburu)
Babak 8	:	Istana Laksamana di Bangka

Raja Laksamana Bentan




RAHMAN B
Nama penuh beliau ialah Abdul Rahman Bin Haji Abu Bakar dilahirkan pada 18 Mei 1935 di Batu 4, Kapar, Klang Selangor Darul Ehsan. Beliau kini bertugas sebagai pensyarah di dalam Jabatan Teater Akademi Seni Kebangsaan dalam pengkhususan kursus Teater Tradisional - Bangsawan. Darah seni bangsawan bapanya mengalir dalam tubuh Rahman. Bapanya, A. Bakar M pernah menjadi tuanpunya kumpulan bangsawan "**Rahman Star Opera of Klang**" Selepas itu pada tahun 1954 kumpulan tersebut telah bertukar nama kepada "**Bangsawan Bintang Timur**". Rahman B juga pernah melibatkan diri dengan beberapa buah kumpulan bangsawan yang lain.

Pada tahun 1956 Rahman B telah menubuhkan **Persatuan Bangsawan Bintang Timur** dimana beliau memegang jawatan sebagai yang DiPertua Persatuan. Selain daripada itu juga, beliau pernah melibatkan diri dengan FELDA Pentas Bergerak ke seluruh negara, pementasan bangsawan terbitan Televisyen Malaysia (RTM) dan Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3) dan filem-filem terbitan MERDEKA STUDIO. Beliau juga pernah menghasilkan pementasan bangsawan dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta pernah bekerja dengan syarikat HVD.

Penglibatan beliau sebagai tenaga pengajar di Akademi Seni Kebangsaan adalah demi untuk menghidupkan semula tradisi bangsawan.

Katanya " ilmu bangsawan yang diajar kepada pelajar-pelajar Akademi Seni Kebangsaan bukan sahaja dari cara lakonan atau dialog semata-mata, bahkan juga diterapkan seni silat yang pernah digunakan di dalam cerita-cerita bangsawan yang pernah dipentaskan di sekitar tahun 1940an hingga 1970an....."

Secara peribadi Rahman B berpendapat bahawa usaha Akademi Seni Kebangsaan menerbit dan mementaskan bangsawan *Raja Laksamana Bentan* ini merupakan satu langkah bijak dalam menghidupkan kembali bangsawan. Penglibatan dan komitmen semua pihak terutama pelajar-pelajar sebagai generasi baru dalam menangani pementasan ini sungguh mengharukan dan diluar dugaannya.




KRISHEN JIT
Beliau adalah tokoh seni yang tidak asing lagi dalam bidang teater tanahair yang memperolehi Ijazah di dalam bidang Sejarah (Sarjana Muda) Universiti Malaya dan lanjutan di Univeristi California, Berkeley, USA. Namun minat dan kecenderungannya lebih kepada teater. Di awal penglibatannya, beliau bertindak sebagai Penerbit Pementasan Drama Melayu seperti "Uda dan Dara" (1972), dan "Muzika Kuala Lumpur" (1973). Kemudian mengarah "Alang Retak Seribu", "Tok Perak", "Bukan Bunuh Diri" dan "Dramatari Inderaputra". Beliau beralih ke teater Inggeris pada awal 1980an. Antara

pementasan arahnya ialah "Here and Now", "The Cord", "The Sandpit", "M. Butterfly" "Pop Opera Nagraland" di Singapura, Tokyo, Nagoya, Fukuoka dan Hong Kong dan juga "Scorpion Orchid". Arahan beliau yang terakhir ialah "Work".

Beliau juga dikenali sebagai penulis teater dengan gelaran **Utih**. Krishen adalah pemerhati dan pengkritik teater yang disegani. Bukunya yang bertajuk "Membesar Bersama Teater" menunjukkan beliau adalah tokoh yang tidak pernah tidak terlibat di dalam perkembangan teater di Malaysia. Beliau juga pernah menerima anugerah Biasiswa Fullbright dan Asia, East West Centre Universiti Hawaii, Honolulu dan America Council of Learned Societies.

Kini setelah bersara dari jawatan pensyarah di Universiti Malaya beliau mengetuai pula Jabatan Teater di Akademi Seni Kebangsaan sejak 1994.



SYED HAMID SYED HUSSIN
Anak kelahiran Pulau Pinang ini mula melibatkan diri dalam dunia bangsawan sejak tahun 1946. Datuknya, Allahyarham Pak Saenan ialah seorang Pengarah bangsawan manakala ibunya Allahyarhamah Zaharah Agus pernah bergelar Sri Panggung (Primadona) dan penyanyi terkenal di tanahair kita ini. Syed Hamid telah banyak mengikuti bangsawan di masa mudanya sehingga pernah digelar "Orang Muda Bangsawan". Beliau pernah menjadi Pengarah dan Penulis Skrip untuk beberapa buah pementasan bangsawan.

Kumpulan bangsawan yang pernah diikuti beliau ialah GRAND NORAN OPERA, ARJUNA BANGSAWAN, SENTOSA OPERA, CINDERELLA BANGSAWAN, MERAH EMAS BANGSAWAN, dan BINTANG TIMUR BANGSAWAN. Pernah melibatkan diri dalam pementasan bangsawan terbitan Televisyen Malaysia (RTM) dan Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3).

Kini beliau adalah salah seorang tenaga pengajar Jabatan Teater Akademi Seni Kebangsaan dalam pengkhususan Teater Tradisional - Bangsawan.

Persetujuan beliau untuk menjadi tenaga pengajar di Akademi Seni Kebangsaan ialah untuk menghidupkan semula bangsawan yang didokongi oleh generasi baru. Beliau bertekad untuk mencurahkan segala ilmu bangsawan kepada para pelajar.

NOORSIAH IBRAHIM



KOREOGRAFER TARI

Beliau lebih dikenali dengan nama Noorsiah Yem. Mula mengenali dunia bangsawan sejak berusia 5 tahun lagi. Pendedahan awal ini diterima kerana ibubapanya adalah dua tokoh bangsawan yang mempunyai dan menggerakkan kumpulan bangsawan GRAND NORAN OPERA sejak awal tahun 1930an iaitu Pak Yem dan Minah Ketot.

Noorsiah Yem di dalam dunia bangsawan terkenal sebagai Sri Panggung. Beliau juga berkebolehan mengajar berbagai tarian untuk pementasan bangsawan.

Beliau kemudiannya berhijrah ke Singapura dan menumpukan perhatian di dalam dunia perfileman sejak 1950 disamping menjadi guru tari di dalam beberapa cerita filem terbitan CATHAY KRIS FILM PRODUCTION (Singapura).

Dalam tahun 1968 beliau berhijrah pula ke Kuala Lumpur dan mengajar tarian. Tidak lama kemudian Noorsiah Yem dan ibunya Minah Ketot telah diberi penghargaan mengajar tarian Kumpulan Tarian DiRaja dibawah naungan Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra AlHaj. Kumpulan ini sering mengadakan persembahan di istana dan luar negara.

Kini beliau adalah salah seorang tenaga pengajar di Akademi Seni Kebangsaan dalam Jabatan Teater yang mengkhususkan Teater Tradisional - Bangsawan.

ZULKIFLI BABA NOOR



PENGARAH ARTISTIK

Bapa inginkan anak lelaki tunggal ini menjadi seorang doktor lalu dia dihantar ke Belgium untuk memenuhi cita-cita tersebut. Memang sejak dari awal lagi dia tidak berminat tapi hasrat bapa perlu ditunaikan. Selama di luar negara sambil mentelaah buku-buku perubatan, dia telah berjinak-jinak dengan teater dan seni pentas lalu menyertai kumpulan drama di Catholic University of Leuven di dalam beberapa pementasan teater eksperimental. Pengalaman yang amat diidamkan terus dipupuk dan dia membuat keputusan pulang ke tanahair walaupun hanya sempat tamat tahun tiga pengajian perubatan.

Seterusnya memasuki Universiti Sains Malaysia mengkhusus di dalam pengajian Bahasa Inggeris dan Seni Lakon hingga mendapat Ijazah Sarjana Muda Kepujian. Pengalaman di Universiti Sains Malaysia banyak mengajar erti teater sebenar setelah terlibat dalam banyak produksi teater di kampus arahan Prof. Dr. Ghouse Nasuruddin, Dr. Samat Salleh, Dr. Tan Sooi Beng dan Janet Pillay. Pernah menjadi pensyarah Bahasa Inggeris di Universiti Teknologi Malaysia dan sekarang masih lagi mengajar teater di sana. Bila masa mengizinkan dia akan muncul sebagai artis *mime* dan pernah mengarahkan beberapa teater seperti "Angguk", "Konflik", "Tiga Perempat", "Jajah" dan "Sita Dewi Bermimpi". Sekarang bertugas di Akademi Seni Kebangsaan sebagai Penolong Pengarah Perhubungan dan Pemasaran.

PENGURUS PENTAS

AZIZUL ZAHID JAMAL

Azizul Zahid Jamal atau lebih dikenali dengan panggilan TOEMOE dilahirkan pada 5 April 1972 di Taiping. Lebih cenderung kepada bidang pentadbiran dan juga penataan cahaya dalam teater, tetapi berpengalaman juga dalam lakonan dan sedang mendalami ilmu teater di Akademi Seni Kebangsaan. Beliau pernah terlibat dalam pementasan "Uda & Dara in English" dan "Puteri Ledang". Di dalam pementasan *Raja Laksamana Bentan* beliau bertugas sebagai Pengurus Pentas.

PEMBANTU PENGURUS PENTAS

NOOR ASZILA ABAS

Penglibatan dalam bidang seni yang lebih banyak menjurus kepada aspek teater banyak diperolehi apabila memasuki Akademi Seni Kebangsaan dalam bidang Diploma Teater. Mula berminat untuk berlakon apabila diberi peluang mengarah dekon antara sekolah-sekolah.

Sepanjang pengajian di Akademi Seni Kebangsaan dari tahun 1994 hingga 1996 penglibatan beliau lebih banyak tertumpu kepada bidang pengurusan teater terbitan Akademi Seni Kebangsaan atau lain-lain organisasi. Tugas yang dipertanggungjawabkan kepada beliau ialah sebagai Pengurus Pentas atau Pembantu Pengurus Pentas.

Dengan berpegang kepada falsafah "*kematangan berakal pembunuh kehancuran*" beliau berharap agar pengurusan dalam bidang teater akan menjadi salah satu bidang yang diminati ramai.




BIODATA PELAKON-PELAKON

Raja Laksamana Bentan

ZULKIFLI MOHAMAD (Jabatan Seni Tari / Tahun 3)

Pementasan *Raja Laksamana Bentan* merupakan pengalaman sulung beliau dalam bidang lakonan. Beliau yang lebih dikenali sebagai Zack KOOL merupakan pelajar tahun 3 Program Diploma Akademi Seni Kebangsaan di dalam pengajian Seni Tari. Anak kelahiran Selangor ini telah melibatkan diri dalam dunia tari sejak 10 tahun lalu.



Memulakan karier sebagai penari Kumpulan Yayasan Seni (1986); Kumpulan Dewi Kasturi (1989); Kumpulan Taman Seni Klang (1987) sebelum menganggotai kumpulan Penari Bat Latif (1990 - 1994). Bakat beliau di bidang tari mula berkembang apabila menyertai TV3 sebagai penari **Rancangan 3** selama setahun disamping sering mendapat jempolan sebagai penari latar artis dalam rancangan hiburan TV dan pentas.

Beliau melangkah ke dunia yang lebih mencabar apabila dipilih untuk menyertai SONY Music sebagai artis sepenuh masa bersama kumpulan KOOL.

Album pertama KOOL telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Sungguhpun begitu, beliau menganggap penglibatan beliau dalam dunia lakonan pentas terutamanya bangsawan merupakan satu penerokaan baru dalam mengembangkan bakat seninya. Tambahan lagi beliau memegang watak utama iaitu sebagai RAJA ANDAK RAJA LAKSAMANA.

JUHARA AYOB (Jabatan Teater / Tahun 3)

Kompleks Budaya Negara (KBN) merupakan pusat yang merintis beliau menceburkan diri di dalam bidang seni sejak 1989. Ketika itu beliau terdedah kepada dunia tari, lakon dan muzik tradisional Melayu sehinggalah beliau memperdalam bidang ini di Akademi Seni Kebangsaan dengan menjuruskan pengajian di dalam bidang Teater.

Sesungguhnya beliau amat berterima kasih kepada KBN kerana membuka jalan kepadanya untuk mengenali dunia teater. Beliau amat



mengagumi Datuk Noordin Hassan, Datuk Rahim Razali, Datuk Syed Alwi, Dr. Rahmah Bujang, Ahmad Yatim, Krishen Jit, Joe Hasham dan Lokman Ghani. Beliau pernah mendapat bimbingan dari tokoh dan aktivis teater ini.

Watak WAN INTAH yang bakal dibawanya di dalam *Raja Laksamana Bentan* amat beliau sukai kerana ia begitu mencabar dan memerlukan komitmen penuh kerana melalui watak ini beliau dikehendaki menyanyi, menari dan menangis seperti yang lazim dikehendaki oleh seseorang yang digelar Seri Panggung.

MEGAT ADNAN MEGAT RIDZUAN (Jabatan Teater / Tahun 3)

Anak kelahiran Perak Darul Ridzuan ini begitu terpicik dengan bangsawan kerana kelainan pementasan ini. Sehingga kini beliau telah melibatkan diri dalam beberapa pementasan bangsawan seperti "Megat Terawis" (1994), "Puteri Li Po" (1995) dan "Di Bawah Lindungan Bulan" (1995).

Menuntut di Akademi Seni Kebangsaan di Jabatan Teater, bagi beliau adalah untuk mendalami ilmu yang tersedia ada di dada; kerana menurut beliau, ilmu tidak sahaja datang dari pengalaman, namun ia perlu juga datang dari perguruan.

Watak MEGAT ALANG DILAUT yang bakal diterajunya dalam *Raja Laksamana Bentan* akan memberi peluang kepada beliau untuk memperlihatkan bakatnya di samping mengasah ilmu yang bergelodak di kamar jiwa.

MISLINA MUSTAFFA (Jabatan Penulisan Kreatif / Tahun 2)

Derita yang bahagia dan bahagia yang derita menjadi sumber inspirasi beliau dalam mengharungi dunia seni ini. Pelajar Penulisan Kreatif, Akademi Seni Kebangsaan ini amat menyanjungi tokoh teater seperti Pak Rendra, Krishen Jit, Dr. Ghulam Sarwar Yousoff serta Seniman Negara yang pertama, Pak Hamzah Awang Amat.

Penglibatan dirinya dalam dunia lakonan bermula dalam "Lampu" (1990) dan kemudiannya "Si Bongkok Tanjung Puteri" (1994) dan "Uda & Dara In English" (1994). Beliau juga merupakan seorang penulis dan novel terbaru beliau bertajuk "Dua Wajah Mama" telah dilancarkan oleh YB Dato' Sabbaruddin Chik, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia pada 2 Ogos 1996 sempena Hari Terbuka ASK '96. Lakonan beliau yang terbaru ialah di dalam pementasan "Pulau SaDanDi" yang telah dipentaskan sempena Hari Terbuka ASK '96 pada 2 Ogos 1996.

Watak WAN SENARI yang bakal diterajunya akan menguji sejauh mana pengamatan beliau dalam lakonan bercorak bangsawan. "... pengaliran saya di langit dalam seringkali terhambat oleh kekangan-kekangan yang melingkupi langit luar. Barangkali saya harus akur dengan kekeringan itu atau




barangkali saya harus akur dengan keterbatasan kuasa diri saya yang seadanya ini. Mujur alam membantu saya. Saya bahagia dengan kedua-duanya sekali....”

SABRI MOHD ZIN (Jabatan Penulisan Kreatif / Tahun 3)

Lebih dikenali dengan nama SAMOZA kini menuntut dalam pengajian Diploma Penulisan Kreatif, Akademi Seni Kebangsaan. Penglibatan dalam produksi *Raja Laksamana Bentan* sebagai watak sultan akan menjadi satu cabaran baru dalam dunia seninya.

Anak kelahiran Kelantan ini mula berlakon sejak tahun 1975 lagi dengan menyertai Teater Keliling Negeri Kelantan anjuran Jabatan Kebudayaan, Belia dan Sukan (1976). Beliau pernah menyertai Pekan Teater Peringkat Wilayah Timur (1987)



Dunia penulisan adalah dunia beliau. Hadiah Sastera Malaysia (cerpen) yang dimenangnya pada tahun 1984/85 merupakan kejayaan tertinggi beliau setakat ini. Selain itu beliau berjaya menghasilkan beberapa buah novel dan antologi cerpen. Dua buah novel terbaru beliau bertajuk “Menanggung Buih” dan “Tragedi Kubang Labu” telah dilancarkan oleh YB Dato’ Sabbaruddin Chik, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia pada 2 Ogos 1996 sempena Hari Terbuka ASK’96.

Beliau meletakkan harapan tinggi agar *Raja Laksamana Bentan* dapat menambah pengetahuan beliau dalam bidang lakonan terutamanya lakonan bangsawan.

ABU BAKAR SULAIMAN (Jabatan Seni Tari / Tahun 3)

Dilahirkan di Johor Bharu pada 19 April 1959. Berjinak-jinak dalam bidang seni apabila menyertai kumpulan Sitra di Batu Pahat (1980) dan menyertai “Pentarama” (1982) Jabatan Penerangan sebelum menyertai Kompleks Budaya Negara (KBN) selama 12 tahun.

Kini mengikuti Pengajian Diploma Seni Tari, Akademi Seni Kebangsaan. Beliau telah banyak mendapat pendedahan dalam seni lakon apabila menyertai pementasan “Uda dan Dara” (1985), “Cindai” (1995), “Si Bereng-Bereng”, “Terawis” dan terbaru “Muzika Tenggara” (1996).

Watak DATUK BENDAHARA dipertanggungjawabkan ke atasnya dalam *Raja Laksamana Bentan*. Beliau begitu bersungguh-sungguh dalam pementasan ini kerana mahu melihat bangsawan dapat dikembalikan “rasa”nya.



MOHD SHAHRIL AKLA (Jabatan Seni Tari / Tahun 3)

Penghijrahan dari Negeri Di Bawah Bayu ke Kuala Lumpur telah membuka peluang beliau dalam mengembangkan bakat tari. Kini menuntut di Akademi Seni Kebangsaan di dalam Pengajian Diploma Seni Tari.

Beliau pernah mengikuti Kursus Seni Lakon di Universiti Sains Malaysia dan pernah menyertai beberapa bengkel tarian dan lakonan kelolaan

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia sebelum bekerja sebagai Artis Budaya di Kompleks Budaya Negara (KBN).

Walaupun tari menjadi pilihan utama, beliau pernah terlibat dalam dunia teater seperti “Muzikal Uda dan Dara” (1995) “Jebat in English” (1994) dan “Anak Tanjung”. Kini di dalam *Raja Laksamana Bentan* beliau memegang pula watak RAJA MUDA BUSU yang merupakan kesayangan YAM DiPertuan Sultan.

NORZIZI ZULKAFI (Jabatan Teater / Tahun 3)

Anak seni ini mula melibatkan dalam dunia lakonan sejak di bangku sekolah lagi. Sehingga pada tahun 1994 beliau menyertai Pekan Teater Peringkat Wilayah Persekutuan.

Pelajar tahun 3 pengajian Diploma Teater Akademi Seni Kebangsaan ini mendapat tunjuk ajar dan dorongan dari ibu-bapanya. Beliau pernah terlibat dalam pementasan “Itik Liar” (1995) serta memegang watak utama dalam pementasan “Paduka Oedipus” (1996) dan bersama Normah Nordin dalam “Mahkamah Keadilan” (1996).

Norzizi kali ini memegang watak KEMBANG CINA dalam pementasan *Raja Laksamana Bentan*






KARTINI RATNA SARI AHMAT ADAM
(Jabatan Seni Muzik / Tahun 3)

Kartini Ratna Sari Ahmat Adam dilahirkan pada 4 Julai 1976 di Kota Kinabalu, Sabah dan merupakan antara pelajar kumpulan pertama Dalam pengajian Diploma Seni Muzik Akademi Seni Kebangsaan. Kartini pernah mengambil bahagian di dalam pentas "Paduka Oedipus" (1996) arahan Zahim AlBakri sebagai ahli koir. Selain daripada itu beliau pernah menganggotai koir sempena persembahan "Malam Puisi Utusan" anjuran Utusan Malaysia.

Di dalam pentas *Raja Laksamana Bentan* ini beliau memegang watak WAN SERIBANI dan beliau berharap pentas ini akan memberikan kekuatan untuknya mengenali bangsawan dan tradisi tanahair sendiri.



SHAHILI ABDAN (Jabatan Teater / Tahun 3)

Ibu, Krishen Jit, Babu, Kobo, Johnny dan hidup ini merupakan sumber inspirasi utama beliau. Beliau bermain di pentas sejak 1981. Terlibat dalam Grup Teater AKSI di Perlis sejak 1989. Pernah beraksi dalam drama "Si Pencari", "Imej Tolol", "berpijak di Bumi Nyata", "Anak Tanjung", dan "Jiwa". Semasa di Akademi Seni Kebangsaan berlakon dalam drama "Anxiety", "Teroris" dan "Cahaya". Giat mengarah. " Drama Jiwa" dan "Sel Terakhir" di Perlis manakala di Akademi Seni Kebangsaan mengarah drama "Main-main Bersama Teater" dan " KerAnna". Selain berlakon dan mengarah, beliau aktif menulis drama seperti "Jiwa" (1992), "Sel terakhir" (1993), "Sampah" (1994) dan "KerAnna"(1994) dan

"Percakapan Seorang Aku" (1995). Penglibatan beliau yang terbaru ialah sebagai Pengarah pentas "Pulau SaDanDi" yang telah dipentaskan sempena Hari Terbuka ASK '96 pada 2 Ogos 1996. Di dalam pentas *Raja Laksamana Bentan* beliau memegang watak Nakhoda Haridan.



AZIZI MOHD SAID (Jabatan Teater / Tahun 3)

Mula mengenali dunia teater sejak di bangku sekolah lagi. Bakat semakin berkembang dengan melangkah ke Akademi Seni Kebangsaan apabila beliau berjaya dipilih untuk mengikuti pengajian Program Diploma Teater pada 1994. Antara drama-drama yang dipentaskan di dalam kampus Akademi Seni Kebangsaan ialah "Anxiety", "Teroris", dan "Main-main Bersama Teater". Pengalaman di luar kampus yang berjaya

dikutip ialah apabila bersama dengan Ahmad Yatim apabila turut menjayakan produksi "Uda & Dara In English" dan bersama Joe Hasham dan Krishen Jit di dalam "Scorpion Orchid". Pentas terakhirnya ialah "Paduka Oedipus" (1996) arahan Zahim AlBakri.

MD YUSOF ALI (Jabatan Penulisan Kreatif / Tahun 3)

Beliau juga dikenali dengan nama pena Ria Asmira. Dilahirkan pada 24 November 1963 di sebuah kampung di Negeri Jelapang Padi. Beliau mula menceburkan diri dalam dunia seni pada tahun 1978. Pernah melibatkan diri dalam pentas drama "Ponteng" sempena Hari Guru di Sekolah Menengah Pokok Sena, Kedah.



Pada tahun ini juga mementaskan sekali lagi drama "Ponteng" sempena Tahun Antarabangsa Kanak-kanak di Taman Bunga Alor Setar. Tahun 1992 terlibat pula dengan lakonan sketsa dan nyanyian berempat sempena Malam Mesra HICOM Group. Tahun 1993 terlibat pula dalam pentas drama "Peladang" dalam Persatuan Pinggiran Alor Setar. Pada tahun 1996 terlibat pula dengan pentas "Paduka Oedipus"(1996) arahan Zahim AlBakri sebagai krew. Watak MUFTI dalam pentas *Raja Laksamana Bentan* merupakan lakonan pertama beliau didalam sebuah produksi terbitan Akademi Seni Kebangsaan.

Bidang Penulisan merupakan cinta pertama Mohd Yusof dan beliau telah banyak kali menghasilkan karya-karya kreatif. Sebuah hasil penulisan beliau yang dimuatkan didalam buku "Keris Tok Janggut" telah dilancarkan oleh YB Dato' Sabbaruddin Chik, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia pada 2 Ogos 1996 sempena Hari Terbuka ASK '96.



ROSMAN ISHAK (Jabatan Teater / Tahun 3)

Penglibatan beliau dalam bidang seni bermula ketika bertugas sebagai Artis Budaya di Kompleks Budaya Negara pada tahun 1991. Beliau mendapat didikan awal yang melibatkan kesenian di Universiti Sains Malaysia pada tahun 1993 dalam Rancangan Sijil Seni Kreatif pengkhususan bidang Teater. Dengan penuh keyakinan, beliau meneruskan pengajian dalam Diploma Teater Akademi Seni Kebangsaan. Antara penglibatannya dalam produksi sebagai pelakon ialah dalam pentas "Uda & Dara in English" (1994) arahan Ahmad Yatim; "Megat Terawis" (1994) arahan Hasan Jali; "Scorpion Orchid" (1995) arahan Joe Hasham dan Krishen Jit; Paduka Oedipus (1996) arahan Zahim AlBakri; dan "Malam Puisi Utusan" 1996 anjuran Utusan Malaysia. Sementara dalam pentas "Itik Liar" (1995) arahan Ahmad Tarmimi Siregar beliau bertugas di bahagian pengurusan.

Tokoh teater yang disanjung termasuklah Datuk Noordin Hassan, Krishen Jit dan Joe Hasham. Menerusi pementasan bangsawan *Raja Laksamana Bentan* ini beliau mengharapkan sesuatu yang boleh dipelajari dalam perkembangan bangsawan terutama dalam pementasan kali ini. Beliau memegang peranan sebagai SAMMY disamping dipertanggungjawabkan sebagai Pembantu Pengurus Kostum.

JAPRIN KAPIS (Jabatan Teater / Tahun 1)

Beliau dilahirkan pada 26 Jun 1972 di Sandakan, Sabah. Sekarang sedang menuntut ilmu teater dalam Jabatan Teater Akademi Seni Kebangsaan dalam tahun satu.

Beliau pernah mengikuti Persatuan Sri Tari Sandakan (STS). Japrin pernah mengambil bahagian dalam pementasana drama "Basaton" di Pekan Teater Sabah. Begitu juga dalam pementasan Drama "Parikasti" juga sempena Pekan Teater Sabah.

Didalam pementasan *Raja Laksamana Bentan* ini beliau memegang watak CINCU.



KARYAWAN

Raja Laksamana Bentan

Raja Andak Raja Laksamana	ZULKIFLI MOHAMAD
Tengku Wan Intah	JUHARA AYOB
Tengku Wan Senari	MISLINA MUSTAFFA
Sultan YAM DiPertuan Bentan	SABRI MOHD ZIN
Dato' Megat Alang Dilaut	MEGAT ADNAN MEGAT RIDZUAN
Dato' Bendahara	ABU BAKAR SULAIMAN
Tengku Raja Muda Busu	MOHD SHAHRIL AKLA
Wan Seribani	KARTINI RATNA SARI AHMAT ADAM
Nakhoda Haridan	SHAHILI ABDAN
Sammy	ROSMAN ISHAK
Cincu	JAPRIN KAPIS
Dato' Shahbandar	AZIZI MOHD SAID
Mufti	MOHD YUSOF ALI
Kembang Cina	NORZIZI ZULKAFLI
Mak Inang	WINNIE FREYA ABDUL AZIZ
Bentara	HASMADI HASSAN
Dato' Temenggong	SABRI AHMAD
Biduanda	MUSAFFAH ROSLAN
Kelambi	HAZLI HASSAN



Pesilat / Orang Nakhoda Haridan

ROSDEEN SUBOH * ABDUL RAFAR MOHAMAD
*** ZARUL AKAHRI ALI * FAIRUZ ABU KASSIM**



Pahlawan Istana

SYED MUSTAPHA SYED YASIN * ABDUL HAMID CHAN
*** WILSON JONG VUI KHIUN * MOHD YA LATIFF ***

Dayang/Penari

NORZIZI ZULKAFLI * ELIZA MUSTAFFA * SYARUL AZLINA ISKANDAR
*** ZAH RATUL'AIN SAHARI * NOR ASZILA ABAS * SITI JASMINA IBRAHIM**
*** COLLEN WONG HURY YI * AZURA ABAS ABAL * SUHAILA SULAIAMAN * NOORAINI**
HARUN * JUNAINAH M. LOJONG * ISFARINA ITHANIN * SALIZA ALI
*** AFNA JUITARINA ALI AMBERAN * REZAWATE RAZALI * YUNI NOR LEITEY**
*** WAN MIMI ADZLINAH MOHD ISA * SITI AWAN PARDI**



Pemuzik

SUFLAN FAIDZAL ARSHAD (keyboard 1; accordeon) * **RAJA ISKANDAR RAJA HALID**
(piano: penggubah) * **THALIA TAN TECK TCHING** (keyboard 2; violin; penggubah)
* **ZAMRUS HASHIM** (clarinet; alto sax; gong) * **JAYAKUMAR BALAKRISHNAN**
(electric & acoustic bass; penggubah) * **ERIC KOK KENG HOCK** (gitar) * **SHIREEN JASIN**
YAAKOB (perkusi) * **CHONG SAW FAN** (gitar akustik) * **ADLIN AMAN RAMLIE** (drums)
* **MARIAM ALI** (violin) *



Penyanyi Latar

ROHIMI SOBENG * JUANITA ISMAIL * SUSAN SARAH JOHN * KHOR JEE FEI
*** NG YUET SUM * AFIZA ABDUL AZIZ ***

Artis extra turn (ASK)

SYAIFUL REZA MOHAMAD * ARIFF RIZAL NORMAN * MAS DZULFADLIE SAEI
*** MOHD KAMARUL BAHRI**

PRODUKSI

Raja Laksamana Bentan

TENAGA PENGURUSAN

Penaung
YB DATO' SABBARUDDIN CHIK
Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia

Penasihat
YBHG DATUK ISMAIL ADAM
Ketua Setiausaha
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia

Penasihat Projek
YM DATO' TENGKU ALAUDIN TENGKU ABDUL MAJID
Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia
merangkap Pengarah Akademi Seni Kebangsaan

Penerbit **NORLIZA ROFLI**
Pendaftar Akademi Seni Kebangsaan

Penolong Penerbit **RODZUAN ISMAIL**

Panel Penasihat Produksi
SUPIAT MUKRI
KRISHEN JIT
PROF MADYA DR. MOHD ANIS MD. NOR
ZAKARIA ARIFFIN

Penasihat Skrip **DR. GHULAM SARWAR YOUSOFF**
ZAKARIA ARIFFIN

Penasihat Muzik **AHMAD SHARIFF**

Pengurus Produksi **ZAIFRI HUSIN**
ROSMINAH MOHD TAHIR

Pen. Pengurus Produksi **ABU BAKAR SULAIMAN**

Pemasaran	ZULKIFLI BABA NOOR
Pembantu Pemasaran	SHAHRUL AZLI MOHD SHUKOR
Percetakan	NORIZAH ARSHAD
Penerbitan Artikel	ABDUL SAMAD KECHOT
Kewangan	RODZUAN ISMAIL MURTAZA SALMY ZAINAL ABIDIN
Jemputan/Protokol	HABSAH HAJI MOHD NOORDIN
Pendokumentasian Visual	ABDUL MANAP ABDUL HAMID MOHD AMIR HAKIM MOHD YUSOF JALI NAZRI JAAFAR
Penyelaras Lakonan	AHMAD YATIM
Penyelaras tari	SUHAIMI MAGI
Penyelaras Muzik	RIDZUAN ABDUL SALAM MOHD AMIR HAKIM MOHD YUSOF
Kebajikan/Logistik	MURTAZA SALMY ZAINAL ABIDIN
Khidmat Sokongan	UMI KALSOM KARMON JALI NAZRI JAAFAR THALATIAH AWANG FAUZIAH ABU BAKAR ZALIAH MOHAMAD HASHINAH ABDUL KARIM NORAZIMAH MOHD YUSOF NAZRI ABDULLAH

PRODUKSI

Raja Laksamana Bentan

TENAGA KREATIF

Pengarah Bersama	RAHMAN B dan KRISHEN JIT
Penolong Pengarah	SYED HAMID SYED HUSSIN
Penulis Skrip	RAHMAN B
Pengarah Artistik	ZULKIFLI BABA NOOR
Pengarah Teknikal	MOHAMAD ADNAN HAMZAH
Pengarah Muzik	SUFLAN FAIDZAL ARSHAD
Koreografer Tari	NOORSIAH YEM
Koreografer Silat	SYED HAMID SYED HUSSIN
Juru Vokal (Teater)	LEOW PUAY TIN
Juru Vokal (Muzik)	SITI HAJAR ISMAIL
Pereka Set	RAHMAN B
Pereka Grafik	NORIZAH ARSHAD
Pengurus Kostum	MOHD TAQIY ABDULLAH
Pembantu Kostum	ROSMAN ISHAK
Pengurus Set dan Prop	SHHRUL MIZAD ASHARI
Penata Solek	NORCAHAYA ISMAIL
Pengurus Pentas	AZIZUL ZAHID JAMAL
Pembantu Pengurus Pentas	NOR ASZILA ABAS
Pembantu Pentas	ISMADI WAKIRI MOHD AZRIN SHAH AHMAD SABRI ALI HARLINA MOHD KASSIM MASNITAWATI ALADIN JAMALUDDIN AHMED LENA FARIDA HUSSIN SITI ROHANA ABD JALIL

OOI SWAN SWAN
WAN KANARI IBRAHIM
M NASRI AYOB
RAHIMAH SHAMSUDDIN
AZRINA TALIB
ENGKU NOORMALAREESA ENGKU MALIK
MARDIANA ISMAIL

Pengurus Panggung

NORIZAH ARSHAD

Pembantu Panggung (pameran)

JALI NAZRI JAAFAR
MOHD IRIZAL HUSNI MUSA
NAZRI ABDULLAH
HAZLI HASAN
SHHRUL AZLI MOHD SHUKOR
SUMAISI ARI
AZAHA OTHMAN

Pembantu Panggung
(penyambut tetamu)

W. ZALINA RAJALI
ANIS MASTURA REMLI
ROSHAYATI SAHIN
ZAINATUL SHUHaida ABDUL RAHMAN
NORAZLINA HAMID MANAN
ROSNANI RIPIN
AZAHA OTHMAN
WAN NORSIAH WAN ABDULLAH

Pembantu Panggung
Box Office (tiket)

MURTAZA SALMY ZAINAL ABIDIN
THALATHIAH AWANG
FAUZIAH ABU BAKAR
ZALIAH MOHAMAD
HASHINAH ABDUL KARIM
NORAZIMAH MOHD YUSOF

Tenaga Produksi
(Panggung Negara) Lampu

ABDUL RAZAK RAHMAN
JAMAL SUJAH
HASHIM MAHADI

Audio

MOHD RAMLY ABU BAKAR
MOHD AMIN SULAIMAN

Video

RAMLI ALI
SULAIMAN RABU
RAZAK BUJANG

PENGHARGAAN

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Polis DiRaja Malaysia

Panggung Negara

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan
(Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Perak Darul Ridzuan)

Prof. Dr. Mohd Ghouse Nasuruddin

Ahmad Toko Antik

Semua Tenaga Pengajar Akademi Seni Kebangsaan

Radio Televisyen Malaysia (RTM)

Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3)

Metrovision

Akhbar-akhbar tempatan

Sekolah-sekolah Menengah sekitar Kuala Lumpur dan Selangor Darul Ehsan

Maktab-maktab Perguruan sekitar Kuala Lumpur dan Selangor Darul Ehsan

Kompleks Membeli Belah sekitar Kuala Lumpur

Individu dan Organisasi yang telah membantu secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan pementasan *Raja Laksamana Bentan*.

Terima kasih.

